

## [MUHAMMAD JAMIL BAYYUHUM AS A MUSLIM HISTORIAN: AN EARLY STUDY ABOUT THREE SELECTED BOOKS]

### MUHAMMAD JAMIL BAYYUHUM SEBAGAI SEJARAWAN ISLAM: KAJIAN AWAL TERHADAP TIGA KARYA TERPILIH

*Muhammad Alif Fitri Abdul Halim*

*p112762@siswa.ukm.edu.my (Corresponding Author)*

*Institute of Islam Hadhari, National University of Malaysia*

*43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

*Ermy Azziaty Rozali*

*ermy@ukm.edu.my*

*Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,*

*Faculty of Islamic Studies & Institute of Islam Hadhari*

*National University of Malaysia*

*43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

#### **Abstrak**

Kajian ini berusaha untuk menghasilkan satu biografi awal seorang sejarawan dan nasionalis Arab yang bernama Muhammad Jamil Bayyuhum (1887-1978). Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Zuhayr Mardini (1979) yang mengatakan bahawa walaupun pelbagai jasa dan sumbangan yang telah ditaburkan oleh Muhammad Jamil Bayyuhum ketika hidupnya, beliau tidak begitu dikenali dan disebutkan secara meluas dalam kajian-kajian sejarah terkini. Puncanya adalah disebabkan oleh ketika majlis pengiktirafan yang sepatutnya diadakan pada tahun 1973 bagi mengiktiraf beliau sebagai seorang tokoh kebangsaan Lubnan, negara tersebut telah terlibat dengan kancang perperangan yang berlarutan sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1978. Selepas itu, barulah ada usaha yang diambil oleh rakan-rakan sepejuangannya untuk mengenang kembali sumbangan dan jasa tokoh ini sebagaimana yang dimuatkan menerusi artikel-artikel dalam majalah *al-'Irfan* terbitan Januari dan Februari tahun 1979, setahun selepas pemergiannya. Begitu juga menerusi kenyataan daripada Widad Sakakini (1913-1991), seorang penulis terkenal Lubnan telah menggelar Muhammad Jamil Bayyuhum sebagai *al-Mufakkir al-Kabir* yang bermaksud 'Tokoh Pemikir Besar.' Justeru, kajian ini berteraskan kepada dua objektif utama iaitu untuk membentuk satu naratif biografi berkenaan Muhammad Jamil Bayyuhum dan untuk menganalisis sumbangan beliau dalam bidang sejarah berdasarkan kepada tiga buah karya penulisan terpilih yang beliau hasilkan. Ketiga-tiga karya tersebut ialah *Falsafat al-Tarikh al-'Uthmani*, *Awwaliyyat Salatin Turkiyya* dan *Falsafah Tarikh Muhammad*. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kronologi sejarah dan analisis kandungan bagi mendapatkan fakta-fakta dan maklumat-maklumat yang diperlukan. Hasil kajian mendapati bahawa sememangnya Muhammad Jamil Bayyuhum merupakan seorang tokoh sejawaran Muslim yang hebat berasal dari Lubnan berdasarkan kepada warisan karya yang telah ditinggalkan berkenaan sejarah Islam. Namun, disebabkan masih tiada lagi kajian tentang beliau, namanya tidak segah tokoh-tokoh sejarawan lain yang dikaji hari ini.

**Kata kunci:** Muhammad Jamil Bayyuhum, sejarawan, Lubnan, abad ke-20

#### **Abstract**

*This writing focuses on the making of an early biography of a historian and Arab nationalist, Muhammad Jamil Bayyuhum (1887-1978). This research had been done based on a statement mentioned by Zuhayr Mardini (1979) that mentioned despite all the efforts are done by Muhammad Jamil Bayyuhum during his lifetime, however, he was not been recognize or mentioned widely in history as the ceremony that will make his name shine in 1973 was postponed when Lebanon was involved in a war crisis that year. Since that time, the political situation in Lebanon was not stable and the ceremony remain cannot be organized until he died in 1978. However, after his death,*

*there was an initiative taken by his friends to commemorate his contribution towards nation as published in a magazine al-Irfan for January and February issues for year 1979 which was a year after his death. Also, Widad Sakakini's (1979) called him as al-Mufakkir al-Kabir (the Great Thinker) to show how Muhammad Jamil Bayyuhum was a prominent person during his lifetime. Thus, this paper had been done to achieve two main objectives which are to construct a biographical narrative about Muhammad Jamil Bayyuhum and to analyse his contributions in the field of history based on his three selected books which are Falsafat al-Tarikh al-'Uthmani, Awwaliyyat Salatin Turkiyya dan Falsafat Tarikh Muhammad. In order to carry out this research, the researcher used the historical chronological approach and content analysis to figure out all the facts related to the subject. So, this paper will begin with the biography of Muhammad Jamil Bayyuhum and followed by his contribution in the field of history. The results showed that actually Muhammad Jamil Bayyuhum was a prominent and great Muslim historian with all his books focused on the history of Islam. However, as there is still no study about him, his name as a historian did not been recognised like the other historians who had been studied today.*

**Keyword:** Muhammad Jamil Bayyuhum, historian, Lebanon, 20th century

Article Received:  
10 May 2021

Article Reviewed:  
14 October 2021

Article Published:  
15 December 2022

## PENGENALAN

Hari ini, nama Muhammad Jamil Bayyuhum merupakan nama yang masih lagi asing dalam bidang kajian sejarah Islam kontemporari. Hal ini disebabkan oleh kekurangan kajian dan penulisan terkini yang menulis tentang beliau baik yang menyentuh aspek biografinya, karya-karyanya bahkan juga idea dan pemikirannya. Wacana perihal tokoh sejarah Islam masih lagi berlegar-legar pada nama-nama besar seperti al-Tabari, Ibn Khaldun dan sebagainya. Misalnya, Muhidin Mulalic (2003) menerusi kajiannya telah mengenangkan seorang tokoh sejarah Islam yang terkenal iaitu al-Tabari dengan idea pensejarahan dan falsafah sejarah yang dibawa menerusi pendekatan rantaian annalistik (sanad) dan pentafsiran sejarah secara deduktif.

Kemudian, Muhsin Mahdi (2014) pula dengan terperinci mengupas pemikiran sejarah Ibnu Khaldun. Namun, fokus kajiannya lebih tertumpu kepada dasar falsafah ilmu budaya. Siapa yang tidak mengenali Ibnu Khaldun yang menjadi pelopor kepada bidang sains kemasyarakatan moden.

Dari sudut yang lain, terdapat usaha yang dilakukan untuk menggumpulkan nama-nama besar dalam bidang sejarah ini. Antaranya dapat dilihat dengan jelas menerusi kajian terkini oleh Azmul Fahimi Kamaruzaman dan Nabeela Akrasha Surtahman (2021) hanya menyenaraikan seramai empat orang tokoh sahaja daripada senarai tersebut yang dinyatakan dengan jelas sebagai tokoh falsafah sejarah Islam. Mereka ialah Ibn Khaldun, Malek Bennabi, Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Nayef al-Rodhan.

Melihat kepada realiti pengkajian bidang sejarah yang dipelopori oleh sejarawan Muslim hanya berlegar sekitar dua aspek tadi iaitu hanya tertumpu kepada nama-nama besar seperti al-Tabari dan Ibnu Khaldun serta kewujudan usaha untuk menyenaraikan tokoh-tokoh besar dalam bidang ini, maka pengkaji ingin memperkenalkan satu nama baharu untuk diketengahkan sebagai tokoh sejawaran Muslim yang perlu untuk diwacanakan. Beliau ialah Muhammad Jamil Bayyuhum. Nizar al-Zayn (1979) melalui artikelnnya menceritakan betapa tokoh yang bernama Muhammad Jamil Bayyuhum ini begitu dipandang dengan sebelah mata setelah pemergiannya. Diceritakan oleh al-Ustaz Akram Zu'aytir (1909-1996) bahawa hanya terdapat tidak lebih daripada 50 orang sahaja yang mengiringi jenazahnya. Semua itu disebabkan oleh ketidakstabilan politik yang tercetus ketika itu di Lubnan. Maka, pengkaji merasakan bahawa itulah antara sebab

mengapa tokoh ini diperlakukan sebegitu walaupun semasa hidupnya beliau sangat dihormati, disegani dan dikasihi bangsanya.

Begitu juga dengan 'Umar Farukh (1979) menggambarkan perkara yang serupa. Dalam pendahuluan makalahnya berkenaan Muhammad Jamil Bayyuhum, beliau menyatakan bahawa sepanjang sejarah, ramai tokoh yang diangkat. Ada dalam kalangan mereka telah diangkat dan dikenali dan ada juga yang tidak diangkat dan tidak dikenali. Dalam kalangan mereka yang tidak diangkat dan dikenali itu ialah Muhammad Jamil Bayyuhum.

## BIOGRAFI MUHAMMAD JAMIL BAYYUHUM

Nama sebenar beliau ialah Jamil. Ketika itu, menjadi tradisi untuk menambahkan nama Muhammad di awal nama sebenar bagi mengambil keberkatan (*tabarruk*) bersempena dengan pemilik asal nama ini iaitu Nabi Muhammad SAW (Halaq 1980). Maka, tokoh yang dibicarakan di dalam kajian ini dikenali sebagai Muhammad Jamil yang berasal daripada keluarga ternama di Lubnan iaitu keluarga Bayyuhum. Justeru, menurut Hassan Halaq (1980), nama penuh beliau ialah Muhammad Jamil ibn Muhammad ibn Mustafa ibn Husayn Bayyuhum bin Nasir al-'Aytani. Beliau lebih dikenali sebagai Muhammad Jamil Bayyuhum menerusi penulisan-penulisan yang telah dihasilkan. Dilahirkan di kota utama Lubnan, Bayrut pada tahun 1887. Menurut Hisham Nashabah (2015), Muhammad Jamil Bayyuhum dilahirkan secara terperincinya di satu kawasan kejiranannya di Kota Bayrut yang bernama al-Mushaythibah (المصيطبة).

Beliau mendapat pendidikan formal pertamanya di al-Kulliyyah al-'Uthmaniyyah yang kemudiannya dikenali sebagai al-Kulliyyah al-Islamiyyah. Menurut Ibrahim Abd al-Karim Kuraydih (2007), institusi ini telah diasaskan oleh seorang ulama fiqh dan penyair terkemuka era akhir 'Uthmaniyyah, al-Shaykh Ahmad 'Abbas al-Azhari (1853-1926). Setelah itu, beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya di sekolah yang didirikan oleh Perancis iaitu The Grand Lycée Franco-Libanais. Dari sini, kita dapat bahawa Muhammad Jamil Bayyuhum telah berjaya menguasai tiga bahasa yang utama ketika itu iaitu bahasa Arab yang menjadi bahasa ibundanya, bahasa Turki 'Uthmaniyyah (Osmanli) yang merupakan bahasa rasmi era pemerintahan 'Uthmaniyyah ketika itu dan bahasa Perancis sebagai bahasa asingnya (Halaq 1980). Sebagaimana yang diungkapkan oleh 'Umar Farukh (1979), dengan penguasaan yang baik terhadap ketiga-tiga bahasa ini, Muhammad Jamil Bayyuhum berupaya untuk mengakses dan membaca pelbagai jenis buku yang ditulis dalam bahasa tersebut. Justeru, capaiannya terhadap ilmu pengetahuan dan maklumat lebih meluas.

Menurut Hassan Halaq (1980), pada tahun 1928, beliau meneruskan pengajian ke Akademi Sastera, Universiti Paris. Dalam tempoh pengajiannya itu, beliau telah mengemukakan satu kajian tesis yang bertajuk *al-Intidabani fi al-'Iraq wa Suriya* yang bermaksud, Pentadbiran Mandat di Syria dan Lubnan oleh Perancis bagi peringkat kedoktoran. Ketika itu, penyelia beliau ialah seorang orientalis Perancis terkenal, Maurice Gaudefroy-Demombynes (1862-1957).

Selain daripada sangat mementingkan pendidikan, beliau juga merupakan seorang ahli perniagaan. Perkara ini dinyatakan oleh 'Umar Farukh (1979) yang mana telah menyebutkan bahawa disebabkan atas urusan perniagaan, Muhammad Jamil Bayyuhum terpaksa kerap kali ke luar negara. Namun, tidak seperti ahli perniagaan yang lain, beliau turut menjadikan perjalanan tersebut sebagai peluang untuknya menambahkan pengetahuan berkenaan negara-negara yang dilawatinya itu.

Buktinya, Hassan Halaq (1980) telah menyenaraikan secara terperinci negara-negara yang telah dilawati oleh Muhammad Jamil Bayyuhum sepanjang hidupnya dari tahun 1911 sehingga 1970. Berikut merupakan senarai tersebut,

## JADUAL 1. Tajuk Jadual 1 (Font 10)

| Tahun               | Negara                                 |
|---------------------|--|
| 1911                | Turki Uthmaniyyah (Istanbul)           |
| 1938-1939           | Amerika Syarikat (isu Palestin)        |
| 1951, 1968 dan 1970 | Pakistan dan India (persidangan Islam) |
| 1957                | Kesatuan Soviet dan China              |
| 1968                | Kashmir                                |
| 1970                | Jepun, India dan China                 |

Maka, tidak hairanlah Yahya al-Ka'ki (1979) dalam catatan beliau tentang Muhammad Jamil Bayyuhum mengatakan bahawa kesemua perjalanan tersebut telah mempengaruhi tokoh ini dalam usahanya mencari ilmu pengetahuan. Ia bahkan juga menjadi ‘sekolah’ yang sebenarnya buat Muhammad Jamil Bayyuhum dalam mendapatkan sebanyak mungkin pengetahuan dan maklumat tentang dunia luar.

Muhammad Jamil Bayyuhum mendirikan rumah tangga buat kali pertama pada 7 Mei 1913 bersama Zaynab bint 'Abd al-Rahman Bayyuhum. Hasil perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan seorang anak perempuan namun, ditakdirkan meninggal dunia sewaktu dilahirkan. Itulah satu-satunya anak hasil daripada perkahwinan beliau dengan isterinya yang pertama. Selepas isterinya itu meninggal dunia, beliau berkahwin buat kali kedua pada tahun 1929 dengan seorang aktivis wanita dari Syria yang bernama Nazik al-'Abid. Isteri beliau itu merupakan anak perempuan kepada Mustafa Pasha al-'Abid. Walau bagaimanapun, perkahwinan kedua Muhammad Jamil Bayyuhum ini tidak dikurniakan zuriat (Halaq 1980).

Terdapat sesuatu yang menarik tentang latar belakang isteri beliau yang kedua ini. Menurut Fruma Zachs (2014), beliau berasal daripada sebuah keluarga yang berpengaruh di Kota Dimashq. Bapa beliau, Mustafa al-'Abid pula merupakan seorang pegawai al-'Uthmaniyyah yang ditugaskan untuk mentadbir hal ehwal wilayah Kirkuk di Iraq dan kemudiannya ditugaskan sebagai wakil kerajaan ke Mosul di bawah pemerintahan Sultan 'Abd al-Hamid II. Bukan itu sahaja, Nazik juga merupakan sepupu kepada Ahmad 'Izzat al-'Abid yang merupakan seorang hakim dan penasihat kepada Sultan Abdul Hamid II (Meininghaus 2016).

Nazik al-'Abid ini meninggal dunia pada tahun 1959 ketika berusia 72 tahun. Selepas pemergiannya, Muhammad Jamil Bayyuhum tinggal bersendirian di rumahnya di Bayrut. Turut tinggal bersamanya ialah pemandu beliau bersama isterinya yang kedua-duanya berkhidmat dan tinggal di dalam rumah yang sama. Sepanjang tempoh tersebut, rumah beliau diuruskan oleh isteri pemandunya itu termasuklah menyediakan makanan untuknya (Nashabah 2015).

### Penglibatan dalam Persatuan Keilmuan dan Penulisan

Sebagai seorang tokoh yang disanjungi, Muhammad Jamil Bayyuhum terkenal sebagai seorang pejuang untuk bangsanya dan pejuang untuk ilmu dengan menulis serta menghasilkan karya. Dari segi penglibatannya, dapat dilihat dengan jelas sekali pelbagai organisasi dan persatuan yang disertainya baik sebagai ahli biasa mahupun sebagai pemimpinnya. Sebuah artikel yang diterbitkan di dalam akhbar *al-Nahar* (1979) melaporkan sebahagian penglibatan Muhammad Jamil Bayyuhum dalam lapangan,

1. Presiden *al-Majma' al-'Ilmi al-Lubnani* (tahun 1929).
2. Presiden *Jam'iyyah Ikhwan al-Thawafah* (dari tahun 1942).
3. Ahli *al-Majma' al-'Ilmi al-'Iraqi* (dari tahun 1952).
4. Ahli *al-Akadimiyyah li al-Tarikh al-'Alami* di Paris (tahun 1927).

5. Ahli *al-Majma' al-Amiriki li al-'Ulum al-Siyasiyyah wa al-Jitima'iyyah* (dari tahun 1945).
6. Ahli *al-Lajnah al-Tanfiziyyah li Majlis Urmukan al-'Ilmi* di Universiti Lahore (dari tahun 1945).
7. Ahli *al-Makab al-'Alami li Ilgha' al-Itjar bi al-Insan* di London.
8. Ahli *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* di Damsyik (dari tahun 1956).

Selain itu, Muhammad Jamil Bayyuhum turut aktif dalam bidang penulisan. Beliau merupakan seorang penulis yang produktif melihatkan kepada hasil karya yang telah dihasilkan. Menurut Zaki Naqqasy (1979), beliau telah menulis sebanyak 23 buah buku berkaitan sejarah, Pan-Arabisme dan pemerksaan wanita. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, hanya tiga daripadanya sahaja akan diketengahkan bagi menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang sejarawan yang perlu diangkat.

Muhammad Jamil Bayyuhum meninggal dunia pada usia 91 tahun di kediamannya yang terletak di Beirut. Berita pemergiannya tersebar dengan cepat dan salah satu akhbar yang membuat liputan berkenaan ialah sebuah akhbar yang bernama *al-Nahar* (Halaq 1980).



Gambar 1. Muhammad Jamil Bayyuhum ketika usia mudanya  
Sumber: Bayyuhum 1925



Gambar 2. Muhammad Jamil Bayyuhum di meja kerjanya sekitar tahun 1978  
Sumber: Halaq 1980

## MUHAMMAD JAMIL BAYYUHUM SEBAGAI SEORANG SEJARAWAN; SOROTAN TIGA KARYA TERPILIH

Sebagai seorang sejarawan, Muhammad Jamil Bayyuhum sudah tentu menghasilkan karya-karya yang bertemakan sejarah. Menurut Widad Sakakini (1979), dalam bidang sejarah, beliau telah menghasilkan sebanyak 11 buah karya berbahasa Arab. Manakala Zaki al-Naqqash (1979) pula telah menyeranarikan sebanyak 18 buah karya. Disebabkan oleh ruang yang terhad untuk mengupas kesemua karya sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum ini, pengkaji hanya memilih sebanyak tiga sahaja melihatkan kepada topik perbahasannya yang lebih bersifat umum dan mudah untuk difahami. Boleh dikatakan karya beliau yang selebihnya adalah bersifat khusus tentang sesuatu isu berkaitan dengan sejarah yang boleh dikatakan agak berat dan mendalam perbahasannya.

Tiga karya tersebut ialah *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani* (*Falsafah Sejarah Uthmaniyah*), *Awwaliyyat Salatin Turkiyya* (*Perkara-perkara yang Pertama dilakukan oleh Para Sultan Turki*) dan *Falsafat Tarikh Muhammad SAW* (*Falsafah Sejarah Muhammad SAW*). Ketiga-tiga karya tersebut masih lagi belum dikaji secara giat. Justeru, diharapkan agar penulisan ini dapat menjadi langkah pertama untuk tujuan tersebut.

### ***Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani* (فلسفة التاريخ العثماني)**

Karya ini membawa satu pendekatan baharu dalam penulisan sejarah oleh Muhammad Jamil Bayyuhum. Jikalau sebelum ini, falsafah sejarah dan sejarah merupakan dua topik yang berasingan, maka Muhammad Jamil Bayyuhum menerusi karya ini cuba untuk menyatukan kedua-duanya. Memandangkan beliau hidup pada era penghujung pemerintahan Kerajaan al-'Uthmaniyyah, maka fokus bukunya adalah berkenaan dengan sejarah Kerajaan al-'Uthmaniyyah.

Buku ini merupakan sebuah karya penting Muhammad Jamil Bayyuhum. Ia telah diterbitkan dalam dua jilid. Jilid yang pertama diterbitkan pada tahun 1925 manakala jilid yang kedua pula pada tahun 1954. Dari segi fokus penulisan, untuk jilid yang pertama, penulis memberikan tumpuan kepada perbahasan mengenai pengasasan, perkembangan dan kegemilangan yang dicapai oleh kerajaan Uthmaniyah. Manakala untuk jilid yang kedua pula, beliau menjadikan faktor-faktor kemerosotan dan kejatuhan kerajaan tersebut.

Pendekatan yang digunakan oleh Muhammad Jamil Bayyuhum dalam karya ini jelas sekali merupakan suatu pendekatan yang jarang sekali digunakan oleh sejarawan biasa iaitu menulis sejarah sesuatu bangsa (dalam konteks ini, kerajaan Uthmaniyah) dalam kerangka falsafah sejarah. Hal ini diakui sendiri oleh beliau dalam bukunya itu. Katanya (1925),


Hal ini disebabkan oleh falsafah sejarah itu sebagaimana yang difahami ia memerlukan kepada jalinan antara sebab (*al-asbab*) dan kesan (*al-musabbabat*) atau sebab – akibat. Ia melibatkan faktor-faktor dalaman dan luaran yang berlaku dalam proses perkembangan umat manusia.

Kemudian, 'Umar Farukh (1979) menerusi artikelnya menyatakan bahawa idea dan pemikiran sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum hakikatnya telah dipengaruhi oleh karya *al-Muqaddimah* oleh Ibn Khaldun. Namun, Muhammad Jamil telah melangkah selangkah ke hadapan apabila beliau berjaya mengaplikasikan kaedah yang telah diperkenalkan oleh Ibn Khaldun yang pada asalnya bersifat umum kepada peristiwa sejarah yang khusus iaitu iaitu dalam konteks penghuraian mengenai sejarah Kerajaan al-'Uthmaniyyah.

Misalnya dalam menghuraikan salah satu topik faktor dalaman kejayaan Kerajaan al-'Uthmaniyyah, Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) mengupas bagaimana sikap para sultan awal al-'Uthmaniyyah yang memiliki sifat ihsan. Ketika menghuraikan perkara ini, beliau menyebutkan tentang pemerintah pertama dan pengasas Kerajaan al-'Uthmaniyyah, Osman Bey sebagai,

Osman al-Awwal (Osman Bey) juga turut berusaha untuk mengumpulkan hati-hati (meraih perhatian) kepada dirinya dengan cara mendampingi para ulama dan orang-orang bertakwa. Beliau turut membina masjid-masjid dan madrasah-madrasah kepada mereka. Antara tokoh ulama yang beliau rapat ialah Syeikh 'Ulwan Celebi, Syeikh Hasan dan Syeikh Edebali yang mana beliau telah berkahwin dengan anak perempuan syeikh ini sebagai bertabarruk dengan ketakwaan yang dimiliki oleh syeikh ini.

Justeru, begitulah cara Muhammad Jamil Bayyuhum mengupas sejarah kerajaan Uthmaniyah. Beliau tidak hanya menceritakan naratifnya sahaja sebaliknya menghuraikan apakah sebab dan akibat yang membawa kepada kejayaan dan keruntuhan kerajaan Islam tersebut secara terperinci.



Gambar 3. Muka Hadapan Karya *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani*.  
Sumber: Bayyuhum 1925

### (أوليات سلاطين تركيا) *Awwaliyyat Salathin Turkiya*

Buku yang kedua ini ditulis oleh Muhammad Jamil Bayyuhum dengan pendekatan yang ringkas dan padat berkaitan dengan sejarah Kerajaan al-'Uthmaniyyah. Pengkaji boleh katakan, ia seperti teks asas yang menghimpunkan fakta-fakta asas berkenaan para sultan al-'Uthmaniyyah. Jikalau dalam tradisi keilmuan Islam memiliki kitab-kitab dengan tahap-tahap yang tersendiri seperti *matn*, *sharah*, *hashiyat* dan *mukhtasar*, maka karya Muhammad Jamil Bayyuhum ini boleh digolongkan sebagai sebuah matan pengajian al-'Uthmaniyyah.


Menurut ‘Abd al-Aziz (2000), antara ciri-ciri sebuah matan ialah lafaznya yang pendek-pendek, baik susunannya dan banyak diterima oleh para penuntut ilmu. Ia kebiasaannya dihasilkan sebagai himpunan asas-asas sesuatu ilmu dalam bentuk risalah yang kecil kebiasaannya dan tidak dimuatkan perbahasan yang meleret atau penjelasan kepada setiap ungkapan ayat yang digunakan melainkan pada tempat yang dirasakan penting kerana bimbang akan menyukarkan pemahaman terhadap topik yang dibincangkan dan seumpama dengannya.

Namun dalam konteks bidang pengajian sejarah, pengaplikasian kaedah penulisan matan tidak mendapat tempat sebagaimana bidang pengajian Islam. Walau bagaimanapun, Muhammad Jamil Bayyuhum telah berjaya mengaplikasikan kaedah penulisan yang jarang digunakan ini. Beliau menggunakan istilah *al-awwaliyyat* yang bermaksud perkara-perkara yang pertama untuk dijadikan topik utama karya kecilnya ini. Perkataan ini berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *awwaliyyah* yang dijamakkan. Menurut kamus *al-Ma’ani*, perkataan *awwaliyyah* merupakan kata nama (*isim*) yang dinisbahkan kepada perkataan *awwala*. Ia bermaksud sifat kepada sesuatu yang menempati tempat yang pertama disebabkan oleh kekuatannya atau nilainya.

Maka, berdasarkan tajuk karya ini, jelas sekali Muhammad Jamil Bayyuhum telah menghasilkan sebuah karya sejarah yang bergenre baharu berkaitan dengan sejarah kerajaan Uthmaniyyah. Sehingga kini sepengetahuan pengkaji tiada satu karya atau penulisan yang menggunakan kaedah ini dalam menceritakan perihal kerajaan Uthmaniyyah. Hal ini diakui sendiri oleh beliau dengan katanya (1931),

Maka saya mengambil keputusan untuk menulis sebuah karya sejarah secara umum dan ringkas berkenaan kerajaan Uthmaniyyah yang mana meliputi perkembangan-perkembangan yang berlaku kepada kerajaan ini baik dari segi semangat, masyarakat dan politik. Saya juga telah memiliki kaedah untuk hanya menceritakan perkara-perkara yang bersifat *al-awwaliyat* sahaja. Apa yang saya maksudkan adalah saya menukilkan tindakan-tindakan dan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku pada zaman setiap sultan Uthmaniyyah yang memerintah dan saya rasakan ianya merupakan satu bid’ah yang tidak pernah lagi dilakukan (dalam penulisan sejarah).

Kandungannya berkisarkan setiap sultan al-Uthmaniyyah yang memerintah bermula dari Osman Gazi sehingga kepada Khalifah ‘Abd al-Majid. Kemudian, disenaraikan apakah perkara-perkara yang pertama berlaku, dilakukan atau diasaskan oleh mereka. Dengan sifatnya sebagai sebuah karya yang ringkas dan padat ini, pengkaji merasakan ia sangat sesuai untuk mereka yang pertama kali mahu membaca sejarah al-Uthmaniyyah bagaikan sebuah matan asas berkenaan bidang ini. Karya ini telah diterbitkan oleh *Mathba’at al-Irfan* pada tahun 1931.



Gambar 4. Muka Hadapan Karya *Awwaliyyat Salathin Turkiya*  
(Muhammad Jamil Bayyuhum 1931)

### **Falsafah Tarikh Muhammad SAW (فلسفة التاريخ محمد)**

Karya ketiga Muhammad Jamil Bayyuhum yang cuba diketengahkan menerusi kajian ini berjudul *Falsafah Tarikh Muhammad SAW* yang bermaksud *Falsafah Sejarah Muhammad SAW*. Ya, jelas sekali Muhammad Jamil Bayyuhum cuba untuk meluaskan skop penulisan falsafah sejarah beliau kepada sejarah yang sangat dekat dengan umat Islam iaitu berkenaan kisah hidup Nabi Muhammad SAW. Memandangkan penulisan sejarah hidup Baginda sudah didonimasi dengan karya-karya sirah warisan para sejarawan silam, maka Muhammad Jamil Bayyuhum sekali lagi dilihat cuba untuk memperkenalkan pendekatan baharu dalam penulisan kisah hidup manusia agung ini. Berbanding dengan hanya memuatkan riwayat dan naratif semata-mata, beliau tampil dengan pendekatan yang lebih komprehensif iaitu menghuraikan riwayat dan naratif tersebut menggunakan pendekatan falsafah sejarah.

Boleh dikatakan pada setiap zaman, penulisan tentang riwayat hidup Nabi Muhammad SAW tidak terhenti. Bukan sahaja penulis-penulis Muslim bahkan yang bukan Muslim juga turut menulis tentang Baginda. Walau bagaimanapun, bentuk penulisan yang dihasilkan adalah berbeza-beza mengikut fahaman yang dianuti oleh penulisnya.


Sebagaimana yang tertera pada tajuknya, jelas sekali ia memiliki persamaan dari segi kaedah penulisan dengan karya *Falsafah al-Tarikh al-Uthmani* yang telah dibincangkan sebelum ini iaitu menggunakan konsep falsafah sejarah serta mengaitkannya dengan kerangka konsep sebab dan akibat. Hal ini dinyatakan secara terperinci oleh Muhammad Jamil Bayyuhum (1957) dengan katanya,

Sebagaimana yang telah saya nyatakan sebelum ini, saya menulis buku ini berpandukan al-Quran al-Karim dan hadis yang sahih dengan mencontohi para pendahulu saya dalam menulis tentang topik ini. Namun, saya telah melakukan sedikit penambahan dalam kebiasaan penulisan topik ini apabila saya menulis sirah Rasulullah berpandukan sumber-sumber yang bersifat *tabi'iyyah* yang mana ia menghubung jalankan antara sebab (*al-asbab*) dan kesan (*al-musabab*) juga menyusun natijah-natijah (*al-natijah*) yang bersesuaian dengan premis-premisnya (*al-muqaddimah*) – sebagaimana mengikut ilmu mantiq.

Mengandungi sebanyak 12 fasal bersama pendahuluan dan penutup, karya ini dengan jelas tidak ditulis secara kronologikal sebagaimana karya-karya sirah yang lain. Ia lebih bersifat kupasan terhadap peristiwa-peristiwa dan fasa-fasa yang berkaitan dengan perjalanan sirah Nabi Muhammad SAW menggunakan pendekatan falsafah sejarah sebagaimana yang telah disebutkan. Kupasan tersebut menjadikan sirah Baginda menjadi lebih berfokus kepada tema dan isu yang telah ditetapkan.

Misalnya dalam fasal yang pertama, Muhammad Jamil Bayyuhum memulakan perbahasannya dengan membangkitkan isu-isu yang timbul berkaitan dengan pengkajian sirah Nabi Muhammad SAW dalam kalangan sejarawan Barat. Kebanyakan mereka memberikan gambaran yang salah dan tidak tepat berkenaan Baginda khususnya pada Zaman Gelap dan Zaman Pencerahan. Namun, pada abad yang terkini, situasi tersebut sudah mula berubah. Kata beliau (1957),

Kini apa yang terjadi adalah segala tanggapan negatif itu tidak lagi kekal pada kurun yang terkini. Bahkan, terdapat mereka yang sudah mula beralih untuk mengkaji perihal masyarakat Timur (Oriental). Akhirnya, golongan ini pula menjadi penentang kepada mereka yang sebelum ini dan mempertahankan Nabi Muhammad dan Islam berpandukan ilmu dan pengetahuan tanpa didorong oleh sentimen.



Gambar 5. Muka Hadapan Karya *Falsafah Tarikh Muhammad SAW*.  
Sumber: Bayyuhum 1957

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kupasan dan huraian di atas, dapatlah kita simpulkan daripada ketiga-tiga buah karya tersebut bahawa Muhammad Jamil Bayyuhum selayaknya diangkat sebagai seorang tokoh sejarawan Muslim. Karya *Falsafat al-Tarikh al-Uthmani* merupakan sebuah interpretasi idea falsafah sejarah Ibnu Khaldun yang bersifat umum kepada sejarah umat Islam yang bersifat terfokus iaitu sejarah kerajaan Uthmaniyah. Manakala karya *Awwaliyyat Salatin Turkiyya* pula merupakan gambaran usaha beliau untuk memperkenalkan sebuah karya yang ringkas dan padat berkenaan sejarah

kerajaan Uthmaniyyah dengan mengikuti kaedah penulisan yang bertemakan *al-awwaliyyat*. Kemudian, karya *Falsafat Tarikh Muhammad SAW* pula dilihat sebagai sebuah karya yang bersifat kritis dalam menghuraikan tafsiran para sejarawan Barat berkenaan kehidupan Nabi Muhammad SAW yang ternyata tidak benar dan penuh dengan penyelewengan dan mengikuti cara penulisan karya falsafah sejarah. Namun disebalik penghasilan ketiga-tiga karya ini, kekurangan kajian berkenaan kehidupan dan karya-karya Muhammad Jamil Bayyuhum menjadikan sosok ini masih belum mendapat tempat dalam kalangan sejarawan khususnya sejarawan yang mengkaji sejarah Islam. Adalah diharapkan agar kajian yang giat dapat dilakukan selepas ini memandangkan jasa dan sumbangan Muhammad Jamil Bayyuhum dalam bidang ini tidak dapat dinafikan lagi.

## PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan kepada pihak Zakat UKM untuk tajaan pengajian yang telah diberikan kepada pengkaji. Semoga kajian seperti ini sedikit sebanyak dapat memberikan manfaat daripada wang zakat yang telah diberikan dalam usaha mengembangkan lagi pengkajian berkenaan tokoh Muhammad Jamil Bayyuhum.

## RUJUKAN

- Bayyuhum, Muhammad Jamil. (1925). *Falsafat al-Tarikh al-'Uthmani*. Beirut: Maktabat Sadir.
- Bayyuhum, Muhammad Jamil. (1931). *Awwaliyyat Salatin Turkiyya*. Beirut: Matba'at al-'Irfan.
- Bayyuhum, Muhammad Jamil. (1957). *Falsafat Tarikh Muhammad*. Beirut: al-Dar al-Jami'iyyah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Farukh, 'Umar. (1979). Muhammad Jamil Bayyuhum al-Bahith al-Rashin. *al-'Irfan*, Januari, 50-52.
- Farukh, 'Umar. (1979). Muhammad Jamil Bayyuhum. *al-'Irfan*, Februari, 139-158.
- Halaq, Hassan. (1980). *al-Mu'arrikh al-'Allamah Muhammad Jamil Bayyuhum 1887-1978*. Beirut: t.pt.
- Halevi, Fruma Zachs & Sharon. (2014). *Gendering Culture in Greater Syria: Intellectuals and Ideology in the Late Ottoman Period*. London: I.B. Tauris.
- Ibrahim, 'Abd al-'Aziz. (2000). *al-Dalil ila al-Mutun al-'Ilmiyyah*. Riyad: Dar al-Shami'l li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Mahdi, Muhsin. (2014). *Falsafah Sejarah Ibnu Khaldun: Kajian tentang Dasar Falsafah Ilmu Budaya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mardini, Zuhayr. (1979). Mata Muhammad Jamil Bayyuhum. *al-'Irfan*, Januari, 31-41.
- Meininghaus, Esther. (2016). *Creating Consent in Ba'thist Syria: Women and Welfare in a Totalitarian State*. London: I.B. Tauris.
- Mulalic, Muhidin. (2003). al-Tabari: The Conception of History. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 183–202.
- al-Nahar. (1979). Wafat Muhammad Jamil Bayyuhum. *al-'Irfan*, Januari, 42-44.
- Naqqasy, Zaki. (1979). Muhammad Jamil Bayyuhum Tarkah Tayyibah. *al-'Irfan*, Januari, 45-49.
- Nashabah, Hisham. (2015). *Muhadarat fi al-Fikr al-Islami*. Beirut: Dar al-Farabi.
- Sakakini, Widad. (1979). Muhammad Jamil Bayyuhum min A'lam al-Fikr wa al-Tarikh. *al-'Irfan*, Januari, 24-30.
- al-Zayn, Nizar. (1979). Muhammad Jamil Bayyuhum Hayatihi Jihad. *al-'Irfan*, Januari, 6-7.

## **BIODATA PENGARANG**

MUHAMMAD ALIF FITRI ABDUL HALIM. Pelajar sarjana Peradaban Islam dari Institut Islam Hadhari (HADHARI) UKM. Bidang pengkhususan berkenaan kajian sejarah kerajaan Uthmaniyah.

ERMY AZZIATY ROZALI. Prof. Madya dalam bidang sejarah dan peradaban Islam. Felo Kanan Institut Islam Hadhari (HADHARI) UKM serta pensyarah kanan Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM.